

**BAB 4**

**LATIHAN DAN OPERASI**

**DALAM ANGKATAN TENTERA MALAYSIA**

**Pendahuluan**

Dalam Perkhidmatan Angkatan Tentera terdapat dua elemen penting yang mewujudkan kelainan berbanding perkhidmatan-perkhidmatan lain. Elemen tersebut ialah kemestian melalui latihan-latihan atas ketenteraan dan penglibatan dalam operasi ketenteraan. Kewajipan menyertai latihan tersebut tidak terikat dengan suasana keamanan semasa. Ini bererti walau dalam bagaimana keadaan sekalipun kestabilan sesebuah negara bukannya faktor pengurangan bentuk dan kadar latihan yang perlu dilalui. Dalam peperangan moden pada hari ini peranan anggota tentera adalah sangat meluas berbanding apa yang pernah tercatat dalam sejarah tanahair kita pada zaman sebelumnya. Sekiranya ancaman peperangan sebenar berkurangan namun terdapat kemungkinan lain yang memerlukan anggota tentera sentiasa dalam keadaan bersiap sedia. Kemungkinan-kemungkinan tersebut mencakupi peperangan terhad, peperangan melawan insurgensi dan operasi keselamatan dalam negeri. Dalam hal ini peperangan yang berkaitan pertembungan dua kuasa atau dua blok negara dikira sebagai peperangan luar, sementara pertempuran yang melibatkan keselamatan dalam sesebuah negara seperti perang saudara dan rusuhan dikenali sebagai peperangan terhad.

Sebagai persediaan untuk menghadapi kemungkinan-kemungkinan yang disebutkan maka setiap anggota tentera mestilah memiliki kualiti-kualiti yang bersesuaian dengan perkhidmatannya seperti sifat keberanian, kesetiaan, disiplin dan kesabaran, kecerdasan dan daya tahan, penyesuaian diri dan harga diri. Pada keseluruhannya kualiti-kualiti ini memang terdapat pada diri mereka tetapi ia perlu diasuh dan dipupuk agar kualiti terpendam itu dapat dizahirkan secara yang praktikal. Justeru itu dalam usaha melahirkan kualiti tersebut Kementerian Pertahanan (Cawangan Latihan) telah memberikan garis-garis panduan serta prinsip-prinsip tentang latihan asas ketenteraan.

#### **4.1    Latihan Asas Dalam Perkhidmatan Angkatan Tentera**

Setiap anggota yang menyertai perkhidmatan angkatan Tentera walau dalam apa kor/ rejimen adalah diwajibkan menjalani Latihan Asas Ketenteraan. Latihan ini dijalankan terhadap anggota peringkat bahawan (rekrut/LLP) dan juga terhadap pegawai-pegawai baru (Kadet). Bagi rekrut dan kadet mereka diwajibkan menjalani latihan asas ini selama enam bulan sementara bagi pegawai-pegawai baru dalam bidang Ikhtisas seperti kor Perubatan, Kor Agama, Kor Pelajaran dan sebagainya hanya diwajibkan menjalani latihan tersebut selama dua bulan sahaja. Namun begitu silih-silih latihan yang dijalankan adalah sama dari sudut mata pelajaran yang disampaikan.

Pada peringkat permulaan Latihan Asas Ketenteraan anak muda (awam) diperkenalkan kepada dunia ketenteraan. Oleh yang demikian peringkat ini biasanya mempunyai kesan yang mendalam serta berkekalan terhadap masa depan mereka. Segala perubahan baru ini adalah ganjil bagi mereka dan adalah menjadi tanggungjawab jurulatih dan pemimpin mereka untuk menghuraikan sebab mengapa sesuatu arahan dikeluarkan. Rekrut-rekrut muda ini akan dapat menyesuaikan diri jika mereka memahami segala sebab mengapa sesuatu perintah atau arahan dikeluarkan<sup>1</sup>.

#### 4.1.1 Tujuan Latihan

Setiap latihan yang dijalankan mempunyai tujuan dan maksud yang tersendiri sebagai persediaan ke arah mencebur dunia ketenteraan yang mencabar. Antara tujuan diadakan latihan-latihan ketenteraan ialah<sup>2</sup>:

- i) Mengetahui selok-belok dunia ketenteraan.
- ii) Meningkatkan ketahanan fizikal dan mental yang merupakan elemen penting dalam kerjaya ketenteraan.
- iii) Mengetahui selok-belok penggunaan senjata yang beranika jenis dalam peperangan konvensional.

---

<sup>1</sup>Tentera Darat Malaysia, Manual Peperangan Darat Bahagian Tiga (Latihan), Department Tentera Darat, Kementerian Pertahanan, 1983, jld 1, hlm6.

<sup>2</sup>Ibid.

- iv) Memupuk disiplin yang tinggi di kalangan anggota.
- v) Memupuk semangat keberanian dan daya juang yang tinggi.
- vi) Memupuk semangat kesetiaan terhadap pimpinan.
- vii) Memupuk semangat setiaawan dan kerjasama di kalangan anggota.
- viii) Memupuk kecergasan serta keyakinan terhadap diri sendiri.

Pada keseluruhannya kualiti-kualiti terpendam ini ada pada diri setiap anggota. Lazimnya dengan terdapat kekurangan salah satu tujuan-tujuan tersebut akan menyebabkan seseorang menjadi beban semasa pertempuran. Lantaran itu anggota yang tidak berjaya mencapai objektif yang disebutkan lebih baik tidak berkhidmat dalam perkhidmatan ketenteraan.

#### **4.1.2 Latihan Asas Ketenteraan<sup>3</sup>**

Dalam melepassi ujian awal penceburan dalam dunia ketenteraan para anggota akan didedahkan kepada beberapa jenis latihan yang agak berat yang sememangnya jarang pernah menghadapinya semasa berada dalam dunia awam. Latihan yang berat ini bermula dengan para anggota dikerahkan ke padang kawad sebagai tapak asas

---

<sup>3</sup>Ibid.

pembentukan disiplin dalam dunia ketenteraan. Kemudiannya anggota didedahkan dengan latihan berjalan jauh, PT (Physical training) harian, latihan menembak, latihan hutan, pembacaan peta, merempuh halangan dan latihan pentadbiran ketenteraan. Huriaian terperinci latihan-latihan itu ialah seperti berikut:

#### i) Latihan Kawad<sup>4</sup>

Latihan kawad adalah latihan yang menjadi asas kepada disiplin, kesegakan, kecerdasan dan kepercayaan serta kehormatan diri. Ia juga menjadi asas kepada latihan-latihan medan dan cara yang baik untuk memupuk semangat setiaawan di dalam sesuatu pasukan di samping menggalakkan persaingan.

Dengan bermulanya para anggota melapor ke Pusat Latihan, maka mereka akan didedahkan kepada latihan paling asas dalam ketenteraan iaitu latihan kawad. Kebiasannya latihan kawad mengambil masa yang agak lama iaitu selama dua bulan. Dalam tempoh itu peserta dikerah pada setiap hari dengan jadual yang sangat ketat untuk menghadapi latihan kawad. Kebiasaannya waktu bermula latihan kawad ialah pada pukul 10 pagi sehingga pukul 1230 tengahari. Kemudian latihan itu disambung semula pada pukul 2 petang sehingga pukul 4 petang. Penjadualan latihan ini sengaja dirancangkan begitu kerana waktu tersebut adalah waktu yang panas terik di mana para anggota akan merasa benar-benar teruji di samping menanggung keperitan. Ia

---

<sup>4</sup>Temuramah Dengan Kapt Ahmad Kamil bin Abdullah, Pegawai Tugas Ikhtisas, Kementerian Pertahanan pada 13 April 98, Sjn Muhamad Rasul bin Kadir, anggota 11 Briged, Kem Wardiburn pada 14 April 98 dan Kapt Zaini bin Nasir, Pegawai Pusat Latihan Tentera Darat, Port Dickson pada 17 April 98.

bolehlah dianggap sebagai satu bentuk deraan yang mempunyai motif yang baik iaitu menguji ketabahan peserta dan memupuk disiplin. Rahsia pemupukan disiplin ialah kepatuhan yang diwajibkan terhadap peserta untuk mengikuti segala arahan jurulatih. Oleh keraana itulah para peserta yang menjalani latihan tersebut kebiasaannya tidak menyandang apa-apa pangkat demi memudahkan jurulatih memberikan arahan dengan tegas. Bagi peserta yang bertaraf pegawai mereka tidak dipakaikan pangkat pegawai semasa latihan tersebut sebaliknya hanya memakai pangkat balak (satu istilah pangkat pelatih bertaraf pegawai) yang tidak menunjukkan sebarang otoriti kepegawaian atau kuasa. Oleh kerana itu baik apa peringkat sekalipun peserta yang menjalani latihan itu mereka terpaksa akur kepada kehendak jurulatih walaupun jurulatih itu adalah lebih rendah pangkatnya daripada mereka.

Kebiasaannya para peserta yang menjalani latihan ini akan cepat merasai kesan keperitannya. Hanya dua jam selepas latihan kawad yang pertama peserta akan berubah kulit lantaran bahang kepanasan. Dalam latihan ini peserta diwajibkan memakai pakaian kawad khas berwarna hijau (Pakaian nombor 4) dengan berkasut Drill boot (kasut khas untuk kawad) yang menutup hampir separuh betis. Bebagai jenis latihan kawad diajar semasa tempoh ini termasuk kawad hormat, kawad senjata, kawad perbarisan dan sebagainya. Semasa latihan inilah kesabaran peserta teruji dengan kerentah jurulatih yang bersikap garang dan tegas. Kata-kata kesat yang menampar cuping telinga adalah satu perkara biasa yang kadangkala menyebabkan sesetengah peserta hilang kesabarannya. Namun para jurulatih sememangnya telah dibekalkan dengan ilmu psikologi untuk mengendurkan ketegangan yang mungkin

berlaku di kalangan peserta. Para peserta akan menyedari pada penamat latihan bahawa segala kata-kata kesat dan kegarangan yang dipamerkan oleh jurulatih, sebenarnya sengaja diadakan sebagai menguji ketabahan mereka. Oleh kerana itulah walau bagaimana keperjitan yang dialami sepanjang latihan tersebut akan terubat sekejap sahaja dengan rasa kepiluan untuk meninggalkan pusat latihan.

Latihan kawad mengambil masa harian yang agak panjang iaitu sebelah pagi dan petang. Ini bukanlah bererti period di antaranya memberikan peserta masa yang terluang. Sebenarnya sepanjang latihan boleh dikatakan tidak ada masa yang cukup untuk berehat. Ini kerana selepas sembahyang Subuh peserta hanya diberikan masa yang paling maksimum selama 30 minit sahaja untuk bersiap menghadapi latihan fizikal pagi iaitu berlari dan senaman. Setelah bersarapan peserta diberikan masa yang sangat terhad iaitu lebih kurang 10 minit sahaja untuk bersiap menghadapi latihan seterusnya. Begitulah seterusnya tempoh penyelanggaraan antara satu bentuk latihan kepada latihan yang lain hanya dalam lingkungan 10 minit. Kita boleh membayangkan betapa peritnya latihan sebegini, dan begitulah rutin harian yang dilalui oleh peserta dalam tempoh enam bulan latihan tersebut. Jelasnya masa yang tidak melibatkan latihan hanyalah masa yang diperuntukkan untuk makan dan sembahyang sahaja serta masa tidur pada waktu malam. Selain daripada itu masa yang terluang beberapa minit tidak boleh dianggap sebagai masa berehat malah ia dianggap sebagai masa melakukan persiapan seperti bertukar pakaian dan sebagainya untuk menghadapi latihan seterusnya.

## ii) Latihan PT (Physical Training) Harian<sup>5</sup>

Ia adalah latihan yang berlanjutan terus menerus sepanjang kursus bertujuan menambahkan stamina dan kecergasan. PT harian adalah latihan berbentuk larian yang diadakan pada sebelah pagi dan petang iaitu sebelum dan selepas latihan kawad. Pada permulaan latihan biasanya peserta akan dikerah berlari sejauh 5 km pada setiap pagi dan petang. Untuk mengendurkan sedikit ketegangan dan keletihan yang dilalui dalam latihan ini biasanya jurulatih akan menyanyikan lagu-lagu khas semasa larian dengan diikuti oleh para pelatih. Selepas itu peserta akan dikerahkan ke padang untuk menjalani senaman-senaman yang lain. Antara bentuk senaman yang paling perit dirasakan ialah senaman gulung/pockey Drill. Dalam istilah tentera ia dikenali sebagai latihan kuih gulung. Dalam senaman ini peserta akan dikerahkan berguling sejauh kira-kira  $\frac{1}{4}$  km pergi balik. Kebiasaannya latihan ini akan menyebabkan peserta-peserta baru termuntah sehingga mengeluarkan kesemua isi perut. Namun begitu lama-kelamaan ia menjadi satu perkara yang biasa bagi mereka.

...Oleh...

Pemakaian semasa latihan ini adalah berubah-ubah mengikut arahan yang dikeluarkan oleh jurulatih. Namun ia tidak lari daripada tiga jenis pakaian iaitu, pakaian sukan bebas, pakaian seluar loreng berbaju T-shirt berkasut spite boot dan pakaian loreng lengkap bersenjata serta kelengkapan FMSO (Kelengkapan beg yang digalas di belakang bahu). Paling memeritkan semasa latihan ini ialah jika berpakaian

---

<sup>5</sup>Ibid.

FSMO lengkap kerana peserta terpaksa memikul beban berat pakaian dan kelengkapan yang dibawa kira-kira 5 kilogram.

**iii) Latihan Berjalan Jauh<sup>6</sup>**

Semasa latihan ini anggota berpakaian loreng lengkap dengan senjata dan FSMO. Jarak jauh perjalanan yang dilalui tidak sama antara peringkat anggota. Kemungkinan pegawai-peagawai ikhtisas hanya berjalan dalam jarak yang lebih singkat daripada rekrut dan kadet iaitu kira-kira 10 km, kerana pegawai-pegawai ikhtisas diberikan latihan hanya sebagai pendedahan asas sahaja. Namun bagi rekrut dan kadet mereka terpaksa berjalan dengan bebanan muatan yang dibawa sejauh kira-kira 25 km.

Semasa latihan ini peserta akan menghadapi pecah-pecah kaki dan kekejangan. Ada di antara peserta yang tidak berupaya meneruskan perjalanan tetapi mereka tidak akan diberikan bantuan melainkan jika menghadapi keadaan yang benar-benar serius. Latihan berjalan jauh ini biasanya melalui jalan-jalan biasa yang tidak melibatkan meredah hutan dan paya. Latihan ini bukanlah latihan rutin harian. Ia diadakan tertakluk kepada penjadualan yang dibuat oleh jurulatih dari masa ke semasa. Semasa latihan ini, perkiraan masa amat dititik beratkan. Oleh itu para peserta diberikan jarak masa yang tertentu untuk sampai ke tempat penamat. Kebiasaanya kelewatan sampai ke tempat penamat akan menyebabkan anggota didenda dengan

---

<sup>6</sup>Ibid.

denda yang berat. Lantaran itu anggota akan berusaha sedaya upaya untuk menghabiskan perjalanan dalam jarak masa yang ditentukan.

**iv) Latihan Menembak<sup>7</sup>**

Latihan menembak dijalankan bagi membentuk anggota agar mahir dalam mengendalikan senjata persendirian. Latihan ini mempunyai objektif untuk melatih anggota dalam aspek pengendalian senjata-senjata tertentu seperti senjata M16, Aug styer 5.56 dan pistol. Di samping itu ia bertujuan menguji keberkesanan menembak di kalangan anggota.

Biasanya latihan menembak dijalankan dalam keadaan yang sangat terancang dan pengawalan disiplin yang lebih daripada biasa. Ini bertujuan memastikan keselamatan anggota daripada tersalah tembak atau menghadapi insiden yang tidak diingini. Oleh kerana itu sebelum bermula latihan ini persiapan yang rapi dilakukan terlebih dahulu dari segenap aspek pentadbiran dan latihannya. Jadual yang tersusun dikeluarkan untuk pergerakan anggota ke lapang sasaran dengan memuatkan secara lengkap keperluan peralatan, senarai anggota dan pergerakan ke lapang sasaran.

Kebiasaannya latihan ini akan melibatkan masa seharian iaitu pada waktu malam dan siang. Secara lengkapnya penjadualan latihan adalah seperti berikut:

---

<sup>7</sup>Arahan Latihan 6 RAMD 1998 melalui surat arahan 6 MD/16/24/G jil 2 bertarikh 14 Jan 98.

1. 0800- Pelarasan senjata
2. 1000- praktis pertama dimulakan
3. 1245- makan tengahari dan sembahyang
4. 1400- Sambungan latihan
5. 1800- latihan ditangguhkan untuk persiapan menembak malam
6. 1945- latihan menembak malam

Untuk menjamin aspek keselamatan diutamakan sepanjang latihan ini maka tugas-tugas khas telah diberikan kepada pegawai-pegawai tertentu seperti pegawai keselamatan lapang sasar yang bertanggungjawab untuk menentukan semua latihan diadakan dengan licin dan sempurna serta menentukan keselamatan lapang sasar, pegawai tapak menembak yang bertanggungjawab mengendalikan latihan di tapak menembak, pegawai benteng sasaran yang bertanggungjawab mengendalikan perjalanan benteng dan sasaran yang teratur dan kumpulan peluru yang bertanggungjawab mengumpul, mengira dan mengagihkan peluru untuk latihan.

v) **Latihan Hutan<sup>8</sup>**

Latihan ini dijalankan untuk melatih anggota cara-cara menghadapi suasana hutan yang terdedah kepada ancaman musuh. Semasa latihan ini anggota diajar cara-cara pengendalian pemasangan khemah, pemilihan tapak singgah, berkawal dan seumpamanya. Biasanya latihan sebegini lebih ditumpukan pada sebelah malam.

---

<sup>8</sup>Temuramah Kapt Ahmad Kamil dan Sjn Muhammad Rasul, op.cit.

Peserta akan diajar cara-cara mengenali bunyi-bunyian ketika suasana sepi seperti bunyi tapak kaki, bunyi binatang dan sebagainya. Anggota juga diajar bagaimana mengambil langkah keselamatan seperti menanam segala barang yang digunakan di kawasan tapak sebelum meninggalkannya demi mengelak daripada dikenali musuh. Pada sebelah malam anggota dilatih berkawal secara bergilir-gilir dan kebiasaan jurulatih akan melihat kecuaian anggota dengan menghilangkan sesetengah kelengkapan yang ada dalam kawalan anggota ketika mereka lalai. Kehilangan kelengkapan yang di bawah kawalan anggota akan menyebabkan anggota didenda dengan denda yang berat mengikut pertimbangan jurulatih. Antara bentuk denda yang dijaklankan termasuklah berendam di dalam kolam semalam.

#### **vi) Latihan Perjalanan Berpandu Kompas (Compas Matching)<sup>9</sup>**

Latihan ini agak mencabar anggota kerana ia menggabungkan latihan berjalan jauh dengan melalui berbagai liku perjalanan termasuk meredah paya dan hutan serta dalam jarak waktu terhad yang ditetapkan untuk sampai ke checkpoint. Latihan ini mengambil perjalanan sejauh kira-kira 30km dan anggota akan berjalan sehari semalam melalui berbagai-bagai jalan mengikut arah yang dipandu oleh kompas. Pemakaian semasa latihan ini ialah pakaian loreng lengkap bersenjata dan FMSO. Ada di kalangan anggota yang cuba mencari jalan singkat tanpa mengikut arah kompas namun akhirnya mereka tersesat jalan lantas melambatkan lagi perjalanan

---

<sup>9</sup>Ibid.

mereka. Dengan mengikut arah kompas bererti anggota terpaksa mengambil risiko perjalanan yang terlalu perit.

Sebagai contohnya jika arah kompas mengarah ke arah bukit maka anggota terpaksa mendai bukit tersebut untuk menuju ke tempat tujuah dan jika mengarah ke arah sungai atau paya maka anggota terpaksa mengharungnya. Begitulah seterusnya kebiasaan arah kompas itu akan mengarah berbagai liku dan halangan. Peserta akan sampai ke satu-satu perhentian yang ditetapkan dan diberikan makanan. Untuk bersolat maka ia terserah kepada peserta bagaimana dan di mana hendak dilakukan. Kebiasaannya latihan sebegini benar-benar menguji keimana seseorang dalam beribadat lantaran tidak mendapat kemudahan-kemudahan yang sepatutnya untuk beribadat.

#### vii) Merempuh Halangan<sup>10</sup>

Merempuh halangan ialah sejenis bentuk latihan yang dijalankan di dalam kawasan kem. Ia bermula dengan peserta memakai pakaian loreng lengkap bersenjata dan FSMO. Latihan dimulakan dengan peserta berlari menuju ke tempat halangan dalam berkumpulan sejauh 1/2 km. Apabila sampai ke tempat merempuh halangan anggota akan melalui beberapa halangan yang perlu dilepasi dalam jarak masa selama 15 minit. Antara halangan-halangan tersebut ialah mendaki tembok

---

<sup>10</sup> *Ibid.*

setinggi 5 meter, meniti di atas papan gantung, monkey rek, terjun dari tempat tingi, menyusur di bawah kawat berduri dan sebagainya.

Latihan sebegini bertujuan memupuk semangat kerjasama di kalangan peserta. Oleh kerana itu ia dijalankan secara berkumpulan di mana peserta yang sampai dahulu ke sesuatu halangan dikehendaki menunggu rakan-rakan yang tertinggal untuk memberikan bantuan. Sepanjang merempuh halangan ini tembakan peluru dan bom buatan dilepaskan. Ada ketikanya tembakan peluru hidup dilepaskan iaitu ketika peserta menyusur di bawah kawat duri. Tembakan dilepaskan dari atas di mana peserta perlu berhati-hati. Walau bagaimanapun ciri keselamatan yang ketat telah diambil terlebih dahulu dengan penerangan yang detail serta pengawasan oleh jurulatih terhadap peserta agar tidak cuai.

#### 4.1.3 Latihan Pasukan Gerak Khas (Komando)<sup>11</sup>

Penubuhan Pasukan Gerak Khas Malaysia adalah rentetan daripada konfrantasi Indonesia dengan Malaysia pada tahun 1964 apabila presiden Indonesia pada masa itu melaungkan slogan “Ganyang Malaysia”. Pada tarikh 25 Feb 1965, pasukan pertama Gerak Khas Malaysia (1 PGKM) dirasmikan penubuhannya.

Seramai lebih kurang 300 sukarelawan dari berbagai Kor dan Rejimen telah menyahut panggilan untuk penubuhan PGKM. Sebilangan besar daripada mereka

---

<sup>11</sup>Sejarah Kor Gerak Khas, Majalah Bere Hijau 1980/1981, hlm 13, terbitan Kor Gerak Khas)

adalah dari unit-unit Rejimen Askar Melayu Di Raja. Dari jumlah itu hanya 15 orang anggota terdiri dari lima pegawai dan 13 anggota lain-lain pangkat telah dipilih setelah menjalani ujian di Sungai Besi untuk mengikuti kursus asas Komando yang pertama di bawah kelolaan anggota-anggota 40 Royal Marine Commando diketuai oleh Mejuri Bacon sebagai ketua jurulatih, Kapt Ram Seoger dan 5 orang jurulatih lain di Kem Majidee, Johor Bahru. Mereka ialah kumpulan pertama penuntut-penuntut dan hanya 12 anggota sahaja yang berjaya menamatkan latihan selama 6 minggu. 3 anggota termasuk seorang pegawai terpaksa mengundurkan diri.

Selepas kursus asas komando yang pertama itu, ramai anggota dari lain-lain Kor/Rejimen yang tampil ke hadapan. Ini termasuk juga anggota TLDM di mana terdapat perjawatan Tp perahu yang memerlukan TLDM. Pada penghujung tahun 1965 PGKM telah dapat mengisi 70% dari perjawatannya.

Di samping kursus tempatan, beberapa orang pegawai telah dihantar untuk berkursus di Amerika Syarikat bagi mendapat pengetahuan tambahan dalam latihan dan pergerakan pasukan Gerak Khas. Mereka dihantar bergilir-gilir untuk menjalani kursus Airbone, Rigger dan Path Finder di Fort Benning, Amerika Syarikat<sup>12</sup>.

---

<sup>12</sup>Ibid.

#### **4.1.3.1 Kursus Asas Komando<sup>13</sup>**

Di antara kursus yang paling utama dan sukar di dalam Gerak Khas ialah Kursus Asas Komando. Seseorang yang lulus kursus ini layak untuk menjadi anggota Gerak Khas dan layak memegang bere hijau dan dagger (pisau) komando. Hanya anggota tentera yang cekal, bersemangat, tabah dan sabar menghadapi dugaan selama 3 bulan sahaja yang layak untuk lulus. Latihan yang dijalankan pula kebiasaannya melibatkan kumpulan kecil, trup dan sebagainya yang kadangkala mengakibatkan kecederaan di segi taktik peperangan yang serba moden ini. Oleh itu semangat yang jitu adalah penting dalam menjalani latihan tersebut. Lantaran itu Gerak Khas mempunyai cogankata tersendiri dalam melaksanakan latihan mereka iaitu “Biar mandi peluh semasa latihan, jangan mandi darah masa pertempuran”<sup>14</sup>. Latihan tersebut dibahagikan kepada lima peringkat iaitu peringkat kem, hutan, paya, long march (berjalan jauh) dan peringkat laut. Mereka yang gagal bermula dari peringkat kem akan ‘turun skot’ dan balik ke pasukan. Lima peringkat latihan yang disebutkan adalah seperti berikut:

---

<sup>13</sup>laporan Pegawai KAGAT GGK kepada Jabatanarah KAGAT melalui arahan pentadbiran MATM/J1/KAGAT/SDK/642 Bertarikh 20 Apr 96.

### i) Peringkat Kem

Peringkat kem ialah peringkat permulaan di dalam Kursus Asas Komando selama 5 minggu. Aktiviti yang dijalankan ialah PT (berlari) kosong, bersama FSMO dan bersenjata mengikut tahap-tahap yang ditetapkan iaitu 3 km, 6 km, 9 km dan 10 km. Di samping PT kosong dan bersama FSMO dan senjata, PT balak juga diadakan untuk menguji ketahanan mental dan fizikal anggota atau siswa (pegawai).

Latihan lain ialah Tarzan Cost, latihan turun tali dari helekopter, meniti tali dengan peralatan tentera dan latihan fizikal yang lain. Di samping itu, kelas agama pada hari Jumaat, latihan senjata, taktik dan lain-lain juga dijalankan. Dari aspek makanan dan keagamaan, makanan disediakan dan diambil di rumah masak dan sembahyang Jumaat dibenarkan di Madrasah al-Firdaus, Kem Sungai Udang, Melaka. Di atas dasar untuk menguji ketahanan mental dan fizikal, jurulatih telah mengadakan beberapa aktiviti yang dianggap keterlaluan seperti mandi di kolam saliran najis, bermain bolasepak dan bola keranjang di waktu tengah malam dan sebagainya.

### ii) Peringkat Hutan

Selepas selesainya 5 minggu di peringkat kem, peserta kursus akan memasuki peringkat hutan selama satu minggu. Latihan yang dijalankan ialah serang hendap, serang khemah musuh, ronda, menjelaki musuh dan segala ilmu di hutan. Pada masa ini makanan yang dibekalkan ialah rangsum basah.

---

<sup>14</sup>Majalah patriot, Warta Angkatan Tentera Malaysia, Bahagian Pentadbiran &

Peserta akan memasuki peringkat ikhtiar hidup di mana makanan tidak dibekalkan dan diajar cara hidup di hutan, bagaimana mengetahui makanan beracun atau tidak dan sebagainya. Walaupun ada makanan yang halal dimakan semasa ikhtiar hidup seperti umber, ikan, daun, siput dan sebagainya namun terdapat sesetengah kes peserta dipaksa untuk makan binatang seperti ular, biawak, beruk, ungka, tenggiling, landak, katak panjang, mondok dan sebagainya sebagai satu latihan menghadapi keadaan sebenar, padahal ia bukanlah dasar atau peraturan yang ditetapkan oleh pihak ATM dalam latihan tersebut. Peserta juga hanya dibekalkan pisau, garam dan pancing di dalam latihan ikhtiar hidup.

### iii) Peringkat Long March

Peringkat Long March (berjalan jauh) adalah peringkat yang paling mencabar di mana peserta dikehendaki berjalan sejauh 120 km selama 2 hari 2 malam dengan pakaian loreng, FMSO dan bersenjata. Pada peringkat inilah boleh dikatakan ramai anggota yang turun skot atau gagal meneruskan perjalanan disebabkan sakit kaki, lutut, paha berdarah, tidak tahan mental, mendapat rawatan terlalu lama dan gagal menghabiskan perjalanan dalam masa yang ditetapkan.

Rangsum basah (siap dimasak) dibekalkan di check point biasanya pada waktu tengahari dan petang dan di masa inilah peserta mengambil peluang untuk menunaikan sembahyang jika yang mahu menunaikannya.

#### **iv) Peringkat Paya**

Pada peringkat ini, peserta didedahkan dengan aktiviti paya ataupun ikhtiar hidup di paya. Peserta hanya dibenarkan memakai pakaian ala kadar yang tidak melengkapi keperluan menutup tubuh badan kesleruhannya atau memakai daun yang diikat dengan tali di keliling pinggang. Peserta akan dibekalkan dengan tombak dan seluruh badan dilumurkan dengan selut.

Peserta akan memakan hasil tangkapan di paya seperti ikan, kerang, siput dan sebagainya. Ada juga peserta yang memakan binatang yang diharamkan seperti kura-kura, labu-labi dan lain-lain walaupun dengan tidak memakannya tidaklah memudaratkan latihan tersebut.

#### **v) Peringkat Laut**

Pada peringkat ini, peserta boleh dikatakan sudah lulus asas komando, tetapi peringkat ini juga agak mencabar dengan aktiviti PT perahu, mendayung, serangan pantai, serangan amphibi, pandu arah laut, serangan mengejut dan sebagainya. Untuk menguji ketahanan mental, jurulatih memaksa peserta meminum air laut sebagai satu dugaan kepada peserta. Pada peringkat ini juga diadakan penutup kursus asas komando iaitu melalui serangan amphibi.

\*\*\*\*\*

Kursus asas komando ialah kursus yang amat menitik beratkan ketahanan mental dan fizikal semata-mata tanpa mengambil kira ketahanan spiritual, kerana menurut jurulatih, walaupun semangat tinggi tetapi jika mental dan fizikal lemah, seseorang akan gagal juga di dalam kursus ini. Sebab itu sebelum peserta melapur di kem Sungai Udang untuk menjalani kursus asas komando, peserta akan terbaca di luar pagar kem Sungai Udang tertulis "Datangmu Tidak Diundang, Jika Ragu Harap Pulang".

#### **4.2 Operasi Ketenteraan**

Dalam perkhidmatan Angkatan Tentera Unit Infantri merupakan Unit utama yang terlibat dalam operasi yang melibatkan keselamatan dan menjajaki musuh. Dalam ketenteraan operasi merupakan satu elemen penting bagi mewujudkan kestabilan sesebuah negara. Oleh kerana itu para perancang dalam Angkatan Tentera merancangkan berbagai perancangan bagi menguatkan lagi aspek pertahanan dan keselamatan. Tentera Darat sebagai contohnya terlibat secara langsung dalam operasi-operasi yang meabitkan keselamatan sesebuah negara baik negara Malaysia ataupun negara luar. Lantaran itulah Tentera Darat mempunyai misi dan tanggungjawabnya yang utama iaitu:

- i. Mempertahankan semua daerah hadapan dan perbatasan negara (kawasan teras) dan kawasan persekitaran negara daripada segala jenis pencerobohan semasa aman.

ii. Mengusir semua angkatan musuh yang telah menceroboh dari kawasan teras dan kawasan-kawasan persekitaran negara semasa perang dan darurat<sup>15</sup>.

Walaupun pada asasnya tanggungjawab Tentera Darat terbatas kepada pertahanan negara namun ianya adalah fleksible berdasarkan keperluan semasa yang berkait dengan kepentingan negara dan kedaulatan negara-negara lain. Oleh kerana itu Angkatan Tentera dalam era selepas perletakan senjata Parti Komunis Malaya, lebih menumpukan kepada operasi-operasi biasa dalam bentuk Eksesais peperangan dan penyertaan dalam misi-misi keselamatan di luar negara.

Sesungguhnya penyertaan anggota tentera dalam eksesais dan misi keamanan lebih merupakan terjemahan kepada latihan yang mereka lalui dengan melibatkan diri secara nyata dalam kes-kes peperangan. Operasi dan misi yang disertai oleh mereka sesungguhnya mendedahkan kepada risiko dan cabaran yang melebihi daripada suasana yang dilalui semasa latihan. Banyak contoh eksesais dan misi keamanan yang melibatkan Angkatan Tentera Malaysia seperti eksesais Taiha Ombak 97 yang melibatkan latihan peperangan gabungan Tentera Darat Malaysia dengan Royal New Zealand Infantry Regiment, Eksesais Suman Warrior 97 di Burnham Camp New

---

<sup>15</sup>Kertas Kerja Tentera Darat Tahun 2000, Kapt Mohd Radzi Abd Hamid, Cawangan Perancangan dan Pembangunan, Kementerian Pertahanan, hlm 5. (Pembentangan dalam Orientasi Pegawai Ikhtisas pada 15 Jan 94 di Pusat Latihan Askar Wataniah, Ipoh)

Zealand<sup>16</sup>, Misi Keamanan Malbat (Malaysian Battalion) di Somalia Misi keamanan Malbat dan Malcon di Bosnia serta puluhan misi PBB yang lain.

#### **4.2.1 Penglibatan ATM Dalam Misi Keamanan PBB<sup>17</sup>**

Negara Malaysia berpegang kepada pendirian bahawa sebagai sebuah anggota masyarakat dunia, ia mempunyai tanggungjawab bersama negara-negara lain untuk memelihara keamanan dan keselamatan sejagat. Usaha-usaha Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) untuk mencapai matlamat keamanan dunia melalui langkah diplomasi, rundingan perdamaian, tugas pengamanan dan membangun keamanan disokong penuh oleh Malaysia.

Penyertaan ATM dalam misi keamanan PBB bermula sejak awal tahun 1960 dalam operasi PBB di Congo (UNOC). Sehingga kini ATM telah menyertai 17 operasi pengamanan PBB di serata dunia melibatkan lebih 16,500 anggota. Penglibatan di pelbagai peringkat ini termasuklah sebagai pemerhati tentera, pasukan Batalion, staf PBB dan pakar-pakar teknikal. Penyertaan ATM dalam 17 misi yang disebutkan ialah seperti berikut:

---

<sup>16</sup>Arahan Pelancaran Eksesais, Markas Medan tentera Darat kepada Markas 2 Div bertarikh 16 Mei 97. Arahan Am Eksesais Suman Warrior, Bahagian Operasi dan Latihan Markas Tentera Darat bertarikh 14 Jun 97

<sup>17</sup>Pertahanan Malaysia Ke arah Pertahanan Yang Berdikari, Panel penulis Kementerian Pertahanan, Terbitan Kementerian Pertahanan Malaysia, t.t. hlm 69.

i) Penyertaan dalam misi UNOC (Operasi PBB di Kongo) bermula 04.10.60 sehingga 23.04.63 melalui penugasan oleh kumpulan Batalion dengan kekuatan anggota seramai 3000 anggota.

ii) Penyertaan dalam misi UNIIMOG (Kumpulan Pemerhati Tentera Iran-Iraq PBB) bermula 15.08.88 sehingga 03.03.91 melalui penugasan oleh kumpulan pemerhati dengan kekuatan anggota seramai 46 anggota.

iii) Penyertaan dalam misi UNTAG (Kumpulan Bantuan Peralihan PBB di Namibia) bermula 26.02.89 sehingga 20.04.90 melalui penugasan oleh kumpulan Batalion, pemerhati dan staf dengan kekuatan anggota seramai 851 anggota.

iv) Penyertaan dalam misi UNIKOM (Misi Pemerhati PBB Iraq-Kuwait) bermula 20.04 91 sehingga sekarang melalui penugasan oleh kumpulan pemerhati dengan kekuatan anggota seramai 49 anggota.

v) Penyertaan dalam misi UMAVEM 11 & 111 (Misi 11 & 111 PBB Verifikasi Anggola) bermula 18.07.91 sehingga 30.06.97 melalui penugasan oleh kumpulan pemerhati dengan kekuatan anggota seramai 98 anggota.

vi) Penyertaan dalam misi MINURSO (Misi PBB Bagi Referendum di Sahara Barat) bermula 20.07.91 sehingga sekarang melalui penugasan oleh kumpulan pemerhati dengan kekuatan anggota seramai 64 anggota.

vii) Penyertaan dalam Misi UNAMIC (Misi Hadapan PBB di Kemboja) bermula 13.11.91 sehingga 14.03.92 melalui penugasan oleh kumpulan pemerhati dengan kekuatan anggota seramai 2 anggota.

i  
viii) Penyertaan dalam misi UNTAC (Misi Pihak Berkuasa Peralihan PBB di Kemboja) bermula 15.03.92 sehingga 04.11.93 melalui penugasan oleh kumpulan Batalion dan Staf dengan kekuatan anggota seramai 2007 anggota.

ix) Penyertaan dalam misi UNOMOZ (Misi Operasi PBB di Mozambique) bermula 31.01.93 sehingga 14.02.95 melalui penugasan kumpulan pemerhati dengan kekuatan anggota seramai 44 anggota.

x) Penyertaan dalam misi UNOSOM 11 (Misi Operasi PBB di Somalia) bermula 01.07.93 sehingga 28.02.95 melalui penugasan oleh kumpulan Batalion dan Staf dengan kekuatan anggota seramai 2956 anggota.

...  
Opas.

xi) Penyertaan dalam Misi UNPROFOR (Misi Pasukan Pemelihara PBB di Bosnia) bermula 29.09.93 sehingga 15.01.96 melalui penugasan kumpulan Batalion, Pemerhati dan Staf dengan kekuatan anggota seramai 4641 anggota.

xii) Penyertaan dalam misi UNOMIL (Misi Operasi PBB di Liberia) bermula 07.07.93 sehingga 14.08.97 melalui penugasan kumpulan pemerhati dengan kekuatan anggota seramai 44 anggota.

xiii) Penyertaan dalam misi UNOSGI (Penugasan di Pejabat Setiausaha Agung PBB di Iraq) bermula 04.03.91 sehingga 02.12.92 melalui penugasan staf dengan kekuatan seramai 3 anggota.

xiv) Penyertaan dalam misi UNSGRC (Penugasan di pejabat wakil setiausaha agung PBB di Kemboja) bermula 04.04.94 sehingga 29.05.95 melalui penugasan pemerhati dengan kekuatan seramai 2 anggota.

xv) Penyertaan dalam misi UNMLT (Pasukan Tentera PBB di Kemboja) bermula 07.07.93 sehingga 28.09.94 melalui penugasan Staf dengan kekuatan seramai 4 anggota.

xvi) Penyertaan dalam misi UNMLOY (Pejabat Laison Tentera PBB di Yugoslavia) bermula 12.01.92 sehingga 09.03.92 melalui penugasan Staf dengan kekuatan seramai 9 anggota.

xvii) Penyertaan dalam misi MONUA (Misi Pemerhati PBB di Angola) bermula 01.07.97 sehingga sekarang melalui penugasan pemerhati dengan kekuatan seramai 19 anggota.

#### **4.2.2 Peranan ATM Dalam Misi Pengaman PBB<sup>18</sup>**

Penghantaran anggota-anggota tentera ke Misi Pengaman PBB di luar negara sesungguhnya bertujuan memberikan perkhidmatan yang diperlukan oleh pihak yang terlibat dalam konflik di sesuatu tempat. Lantaran itu pihak ATM berdasarkan kajian tentang kedudukan misi, telah menyenaraikan beberapa tugas yang perlu dilakukan sebagai garis panduan kepada para anggota yang bertugas. Antara tugas-tugas penting yang dilakukan oleh ATM di sesebuah negara yang menghadapi konflik ialah seperti berikut:

- i) Menyelia pilihanraya tempatan
- ii) Menyediakan latihan mengenai pemusnahan periuk api
- iii) Mewujudkan Suasana aman dan selamat
- iv) Membantu menamatkan keganasan serta merta
- v) Memelihara gencatan senjata
- vi) Memberi bantuan dan pertolongan kemanusiaan
- vii) Mengawal bekalan-bekalan kemanusiaan
- viii) Mengembalikan keamanan dan ketenteraman
- ix) Membantu menyelia kantomen, perletakan senjata dan proses demobilisasi
- x) Memelihara kawasan-kawasan selamat
- xi) Memastikan kebebasan pergerakan
- xii) Mewujudkan persekitaran yang selamat untuk operasi-operasi bantuan

---

<sup>18</sup>Ibid.

#### 4.2.3 · Misi Keamanan Malbat 4/Malcon 1<sup>19</sup>

Di sini akan dikemukakan satu contoh berkaitan operasi yang dijalankan iaitu operasi misi keamanan PBB dan IFOR yang disertai oleh Unit Infantiri 2 Rejimen Renjer Di Raja dan 4 Amor dalam misi Malbat 4 dan Malcon 1 di Bosnia Herzegovina.

Malbat 4 adalah singkatan kepada nama Malaysian Battalion ke 4 sementara Malcon 1 adalah singkatan kepada nama Malaysian Contingent 1. Malbat adalah kumpulan anggota Tentera Malaysia yang ditugaskan di bawah misi keamanan PBB sementara Malcon ialah kumpulan anggota Tentera Malaysia yang ditugaskan di bawah Misi Penguatkuasaan NATO. Malcon berperanan meneruskan Misi yang telah dilaksanakan oleh PBB tetapi dengan pendekatan yang agak berbeza dan lebih menekankan ke arah penguatkasaan perdamaian dengan bertikata memastikan kestabilan kawasan konflik daripada ancaman pergaduhan etnik setelah perjanjian damai di meterikan<sup>20</sup>.

Malbat 4/Malcon 1 ditubuhkan selepas pembatalan Malforce (Malaysian Unforces) yang dicadangkan untuk dihantar ke Bosnia dengan kekuatan anggota

---

<sup>19</sup>Temuramah dengan Mej Abu Hurairah bin Talib (3001030) Pegawai Pergerakan Malbat 4/Malcon 1, betempat di Tingkat 15, Kementerian Pertahanan pada 15 Nov 98.

<sup>20</sup>*Ibid.*

seramai 3000 anggota pada tahun 1994 ketika perperangan di Bosnia semakin kritikal. Penubuhan Malforce yang tidak mendapat restu PBB terpaksa dibatalkan dan dilanjutkan penghantaran Malbat seperti yang biasa diantar sebelum itu dengan kekuatan anggota seramai 1500 anggota.

Malbat 4 diwakili oleh dua pasukan Infantiri barisan hadapan iaitu pasukan 2 RRD (Rejimen Renjer Di Raja) yang bertempat di kem Syed Putra, Ipoh dan 4 Amor yang bertempat di Kuching dan pasukan bantuan tempur dan perkhidmatan yang dianggotai oleh berbagai kor yang mewakili bidang ihktisas masing-masing. Ia diketuai oleh seorang pegawai kanan berpangkat kolonel.

Malbat 4 ditugaskan untuk mengambil alih peranan Malbat 3 yang telah berkhidmat selama enam bulan di Bosnia pada pertengahan tahun 1994. Pergerakan Malbat 4 ke Bosnia dijalankan secara berperingkat-peringkat dengan kumpulan Induk mendahului pergerakan pada 5 Nov 1994 dan berakhir dengan kumpulan terakhir pada Dis 1995.

Di Bosnia Herzegovina semua kor yang menyertai Malbat 4 di letakkan di berbagai penempatan yang terletak di kawasan penmerintahan khas yang diamanahkan kepada Angkatan Tentera Malaysia. Kawasan-kawasan itu ialah di pelabuhan Split, Croatia, bandar Konjik, Jablanica, Pazaric dan Podorasic. Unit bekalan dan lojistik ditempatkan di Split yang merupakan pelabuhan atau laluan masuk segala peralatan di mana ia tidak termasuk dalam kawasan perperangan. Jarak jauhnya dari tempat misi ialah kira-kira 200 km. Perjalanan yang berbukit-bukau serta

jalan yang rosak mengambil masa selama sehari dari Split untuk sampai ke kawasan Misi. Bahagian Lojistik berperanan menghantar kelengkapan yang diperlukan oleh anggota di kawasan Misi seperti peralatan, makanan dan sebagainya. Semasa penyertaan Malbat 4 ancaman perang telah mula berkurangan setelah termeterinya perjanjian Dayton pada 14 Dis 95, namun ancaman penembak-penembak curi dan samseng-samseng adalah membimbangkan. Dalam perjalanan dari Split ke Konjik anggota akan dibekalkan dengan pakaian kalis peluru (Siramic plate) yang berat dan sangat menyukarkan pergerakan.

#### 4.2.3.1 Penugasan Misi<sup>21</sup>

Di Bosnia penempatan terbesar untuk anggota Tentera Malaysia ialah di kem Konjik dan Jablanica. Kem Konjik ialah ibu pejabat pentadbiran yang dianggotai oleh pasukan barisan hadapan serta kor-kor ikhtisas yang lain sementara kem Jablanica merupakan penempatan unit Armor (unit kereta perisai). Pada keseluruhannya kawasan yang ditempatkan tentera Malaysia ialah kawasan majotiti penduduk berugama Islam. Lantaran itulah kehadiran Tentera Malaysia sangat disenangi oleh penduduk tempatan.

Bagi melancarkan operasi yang dijalankan beberapa penugasan telah diarahkan kepada para anggota mengikut bidang masing-masing. Tugas-tugas utama yang dijalankan semasa operasi tersebut ialah:

---

<sup>21</sup>Ibid.

### i) Penugasan Di Pos Kawalan Sempadan<sup>22</sup>

Kawasan misi yang dikawal oleh tentera Malaysia bermula dari bandar Jablanica di bahagian tengah Bosnia dan berakhir di bandar Pazaric. Keluasan kawasan misi ialah kira-kira 50 km persegi. Kawasan ini hanya dikawal oleh Tentera Malaysia. Pada setiap pos masuk kawasan ditempatkan pos kawalan yang diertai oleh unit Armor dan anggota Infantri Renjer. Kebiasaan pada setiap pos hanya ditempatkan antara 3 dan 5 anggota bagi mengawal pergerakan kenderaan yang keluar masuk samada kenderaan awam atau kenderaan tentera. Anggota-anggota yang lain membuat tugas rondaan ke seluruh kawasan bagi mempastikan tidak berlaku sebarang serangan atau kekacauan yang mungkin ditimbulkan oleh pihak yang bertelingkah. Pos kawalan hanya dibina dengan aturan kampit-kampit pasir dengan keluasan kira-kira 10 kaki persegi. Dalam pos inilah anggota yang bertugas berlindung daripada hujan dan salji. Keadaan cuaca yang dihadapi adalah terlalu sejuk dengan keadaan bersalji dan suhunya sampai ke tahap beku. Penugasan ini memerlukan kepekaan dan sikap berhati-hati lantaran ia merupakan pintu masuk kawasan yang jika terlepas kumpulan yang bertelingkah akan mendedahkan orang awam serta anggota Tentera Malaysia kepada bahaya. Oleh kerana itu penugasan anggota di kawasan ini dijalankan secara maksimum dengan setiap 5 anggota tersebut memainkan peranan masing-masing.

---

<sup>22</sup>Temuramah dengan Mej Abu Hurairah bin Talib (3001030) Pegawai Pergerakan Malbat 4/Malcon 1 di Ting 15, Kementerian Pertahanan pada 15 Nov 98.

## **ii) Penugasan Rondaan<sup>23</sup>**

Ini merupakan antara tugas utama yang dilakukan oleh anggota Tentera di mana setiap anggota unit Infantri dan Armor dikehendaki meronda keseluruh kawasan misi yang ditetapkan dengan mengikut penjadualan yang ditetapkan. Sepanjang rondaan ini anggota diingatkan supaya berhati-hati dan tidak berhenti sewenang-wenangnya tanpa keperluan kerana ini akan mendedahkan kepada ancaman serangan, penculikan, penembak curi dan sebarang kemungkinan lain yang mengancam keselamatan. Lantaran kesukaran untuk berhenti kecuali atas sebab-sebab tertentu maka anggota banyak menghabiskan masa di atas kereta perisai meronda ke seluruh kawasan.

## **iii) Penugasan Baik Pulih Infrastruktur<sup>24</sup>**

Angkatan tentera Malaysia banyak menjalankan projek Jiwa Murni untuk kemudahan masyarakat tempatan. Di Bosnia terdapat sebuah Masjid di Pazaric yang bakal diabadikan dalam sejarah kerana ianya dibina oleh angkatan Tentera Malaysia dengan diketuai oleh kor Jurutera. Kor Jurutera sesungguhnya antara kor yang berperanan besar dalam misi tersebut kerana mereka terlibat secara langsung dalam

---

<sup>23</sup>*Ibid.*

<sup>24</sup>*Ibid.*

membina kem-kem penempatan, membaiki jalan yang rosak, membaik pulih rumah masyarakat awam dan sebagainya.

Antara tugas lain yang dilakukan ialah perataan jalan yang dipenuhi oleh salji sehingga menyukarkan pergerakan kenderaan awam atau tentera. Tugas ini sangat mencabar kerana keadaan jalan raya di Bosnia adalah berbukit-bukit dan berada di kedudukan yang hampir dengan gaung. Apabila salji menimbul jalan sukar untuk dibezakan pinggir jalan serta lubang-lubang jalan yang rosak. Ini ditambah lagi dengan ancaman periuk api yang berada di kawasan-kawasan tepi jalan. Jelasnya sedikit kesilapan akan menjebakkan anggota kepada risiko terjatuh ke dalam gaung atau kemalangan atau terlanggar periuk api. Kes-kes ini sememangnya telah berlaku kepada anggota Malbat yang sebelumnya. Seorang pegawai kanan Malcon 2 telah menemui ajal setelah kenderaan yang dinaiki terjatuh ke dalam gaung.

Kor Jurutera Malbat 4/Malcon 1 telah melalui keperitan yang amat sangat apabila Malbat 4 diubah kepada Malbat 1 iaitu setelah peralihan misi PBB kepada Misi NATO. Dalam peralihan misi ini kesemua anggota Tentera Malaysia telah dipindahkan ke tempat baru yang serba kekurangan dari sudut kemudahan asas. Dalam suasana salji yang terlalu tebal dan suhu yang terlalu sejuk anggota Jurutera telah mempamerkan semangat yang tinggi membina kem-kem baru Malcon 1 di bandar Livno, Glamoc dan Kupres. Tempat baru yang dimasuki oleh anggota Jurutera sangat menyulitkan. Tiada bekalan air, tiada bekalan lektrik dan tiada sebarang kemudahan asas kerana ia terletak di tengah-tengah padang yang jauh dari kawasan perkampungan atau penempatan. Dalam keadaan yang sebegini mereka mendapatkan

sumber air melalui ketulan-ketulan salji yang direbus. Sesungguhnya keperitan ini sangat sukar untuk digambarkan melalui tulisan, memadailah bagi mereka yang melaluinya merasai sendiri betapa susahnya suasana dalam keadaan yang terlalu dingin terpaksa menginap dalam khemah-khemah yang tidak berupaya menahan angin sejuk dan mengharapkan bantuan makanan yang dihantar oleh pihak lojistik sekali dalam sehari.

#### iv) Penugasan Bekalan Lojistik<sup>25</sup>

Anggota Kor perkhidmatan ditugaskan menghantar bekalan dan kelengkapan yang diperlukan dari masa ke semasa ke kawasan Misi. Mereka yang bertempat di Split akan keluar memandu drop/lori membawa kelengkapan dan keperluan itu sekurang-kurangnya dua kali seminggu. Perjalanan dari Split ke kewasan Misi amat mencabar dengan jalan yang berbukit serta ancaman penembak curi. Halangan-halangan salji yang menutupi jalan juga merupakan ancaman yang boleh membahayakan keselamatan mereka. Pernah terjadi kenderaan mereka tersadai di kawasan sunyi yang jauh dari penempatan akibat kemalangan dan halangan salji sehingga memaksa mereka bermalam dalam kedinginan malam sambil berkawal di sekitar trak dengan keanggotaan yang terlalu sedikit iaitu antara 2 atau tiga orang sahaja. Sesungguhnya keadaan-keadaan sebegini memerlukan ketelitian dan sikap kental serta semangat juang yang tinggi kerana bila-bila masa sahaja mereka terdedah kepada ancaman musuh dan penembak curi.

---

<sup>25</sup>Ibid.

Sepanjang perjalanan itu mereka hanya dirungi oleh satu land rover Semboyan yang berperanan mengendalikan komunikasi. Pada masa yang sama mereka juga berperanan sebagai pengawal kepada trak lojistik tersebut. Sepanjang perjalanan mereka tidak boleh berhenti di sebarang kawasan kecuali kawasan tertentu yang dikenalpasti sebagai aman. Kebiasaan perjalanan diteruskan tanpa henti kecuali untuk membuang air sahaja.

v) Penugasan Ikhtisas<sup>26</sup>

Di samping pasukan Infantri dan Kor Jurutera terdapat berbagai kor yang menjalankan tugas ikhtisas seperti kor perubatan, Kor Gaji dan Kor Agama. Kor-kor ini menjalankan tugas menurut pengkhususan masing-masing. Kor Perubatan membuka klinik rawatan untuk anggota Tentera dan masyarakat awam di samping menghulurkan bantuan ubat-ubatan kepada hospital-hospital tempatan. Kor Gaji menguruskan urusan pembayaran elauan dan kemasukan gaji anggota serta pembayaran-pemayaran lain yang diperlukan seperti pembayaran untuk kos senggaraan misi dan sebagainya. Kor Agama berperanan melaksanakan aktiviti keagamaan dan khidmat sosial kepada anggota tentera dan masyarakat awam.

---

<sup>26</sup>Temuramah dengan Mej Fauzi bin Ilyas, Pegawai tugas Ikhtisas Malbat 4/Malcon 1 di Kementerian Pertahanan pada 10 Nov 98.

#### **4.2.3.2 Latihan semasa Operasi<sup>27</sup>**

Memandangkan keperluan operasi yang berubah dari masa ke semasa maka setiap anggota yang terlibat dikenakan menjalani latihan walaupun semasa tempoh operasi dan walaupun latihan yang padat telah dilakukan semasa persiapan untuk bertolak ke kawasan Misi. Jenis-jenis latihan yang dijalankan adalah berdasarkan kepada penugasan sebenar yang dijalankan di kawasan Misi dengan melihat kepada aspek memperkuuhkan keupayaan menangani permasalahan yang timbul di kawasan operasi sebenar. Antara bentuk latihan yang dijalankan semasa operasi ialah:

- i) Latihan kesedaran/kewaspadaan periuk api
- ii) Latihan keselamatan jalanraya (memandu dan senggaraan kenderaan)
- iii) Latihan persiapan menghadapi musim sejuk (bagi anggota dan peralatan)
- iv) Latihan meningkatkan skil asas taktik dan ketenteraan termasuk skil mengendali sistem persenjataan.
- v) Latihan keselamatan anggota, peralatan dan kem-kem dari semua bentuk ancaman termasuk mematuhi polisi semasa IFOR di kawasan Misi.

#### **4.2.3.3 Insiden Yang Perlu Ditangani semasa Operasi**

Di samping penugasan rutin yang telah ditetapkan kepada anggota Malbat 4 / Malcon 1 untuk dilaksanakan, terdapat beberapa perkara mendadak yang sering

---

<sup>27</sup>Temuramah Mej Abu Hurairah, op.cit.

berlaku di mana ia memerlukan penambahan tugas kepada para anggota bagi memastikan kestabilan di kawasan Misi dapat dikawal. Oleh itu, anggota sering dilibatkan dengan tugas-tugas tambahan bagi menangani beberapa insiden yang mendedahkan anggota kepada risiko yang tinggi. Antara insiden-insiden yang perlu ditangani oleh mereka ialah:

- i) Kejadian jenayah mencuri harta benda pihak yang dianggap seterus oleh satu pihak lain, khasnya di kawasan yang terdapat lebih daripada satu kaum etnik.
- ii) Jenayah membakar dan memusnahkan rumah-rumah kosong terutamanya rumah-rumah yang dijangka bakal didiami oleh satu etnik yang lain.
- iii) Menghalang ahli-ahli etnik lain terutamanya pelarian untuk kembali menziarahi rumah/kampung halaman/perkuburan di kawasan-kawasan yang telah diserahkan kepada etnik yang lain dalam bentuk tunjuk perasaan dan rusuhan.
- iv) Penindasan oleh satu etnik kepada ahli etnik yang lain. (Kebiasaannya perilaku ini dilakukan oleh ahli-ahli yang ada autoriti seperti polis dan pegawai kerajaan) kepada rakyat biasa yang mereka tidak suka dari kalangan etnik yang lain.

Selain daripada insiden-insiden di atas anggota-anggota Malbat 4/Malcon 1 juga berperanan membendung ketidakpatuhan terhadap beberapa aspek tertentu dalam Perjanjian Dayton yang melibatkan semua pihak seperti ARBih (kumpulan pejuang

Muslim Bosnia), HVO (kumpulan pejuang Etnik Croat) dan VRS (kumpulan pejuang Serb). Antara contoh pelanggaran perjanjian yang memerlukan anggota Malbat menyekatnya ialah seperti pemindahan senjata berat dari satu tempat simpanan ke tempat simapanan lain; tanpa kebenaran IFOR terlebih dahulu, melakukan titik pemeriksaan jalanraya (CPs) secara haram dan membawa senjata di luar berek/kantomen<sup>28</sup>.

#### 4.2.4 Peralihan Tugas PBB Kepada Tugas NATO<sup>29</sup>

Perjanjian Damai Dayton yang ditandatangani secara resmi pada 14 Dis 95 di Paris telah memberi mandat kepada NATO untuk melaksanakan proses perdamaian di Bosnia. Sehubungan itu MALBAT 4 telah diberi arahan supaya menyertai Pasukan Penguatkuasa (IFOR) di bawah NATO. Proses penyerapan MALBAT ke dalam pasukan IFOR berjalan melalui beberapa penilaian yang dikelolakan oleh pihak penilai NATO. Dalam masa yang sama latihan-latihan ditingkatkan lagi bagi menentukan anggota mempunyai kemahiran dan pengetahuan tentang beroperasi dalam musim salji.

Penglibatan Malaysia dalam operasi IFOR telah membawa pertukaran nama MALBAT kepada MALCON (Malaysian Contingent). Komitmen ini juga memerlukan MALCON beroperasi di bawah kontjen British yang menguasai Sector South West

---

<sup>28</sup>Ibid..

<sup>29</sup>Nota Serah Terima Tugas Sel G3 Operasi, Malcon 1, Bab 1-Bahagian 2-Seksyen 1, bertarikh 29 Jan 1996.

dan berpindah ke tempat baru. Persoalan yang menjadi perbualan hangat di kalangan anggota adalah, mengapa MALCON mesti berpindah ke kawasan lain untuk beroperasi di bawah NATO? Mengapa tidak dikekalkan di lokasi yang sedia ada tanpa perlu membuang masa melakukan perpindahan? Tekanan musim sejuk benar-benar menggugat kewibawaan, tambahan pula tempat yang dirancangkan bagi penempatan MALCON ialah di Bihac, satu destinasi yang jauh dari Konjic, Pazaric dan Jablanica.

Pada dasarnya perpindahan adalah sesuatu yang sangat menyukarkan. Namun begitu MALCON terpaksa akur dengan keputusan pihak atasaran yang mahukan komitmen negara di Bosnia diteruskan. Sebagai tentera, keputusan dipatuhi tanpa ragu-ragu. Mengikut atur gerak keseluruhan pasukan IFOR, MALCON diberi penempatan baru di sekitar bandar Glamoc, Tomislavgrad dan Kupres. Tempat-tempat ini merupakan satu nama yang agak asing bagi MALCON dan terletak di bahagian pendalaman sepanjang banjaran tinggi. Ia merupakan kawasan paling sejuk dalam Bosnia sehingga rakyat Bosnia sendiri enggan ke kawasan itu dalam musim salji. Tentera IFOR dari Eropah juga tidak mahu beroperasi di tempat itu dalam musim sejuk.

#### **4.2.4.1 Perpindahan MALCON Ke KTJ Baru<sup>30</sup>**

Imej baru pasukan IFOR mestilah bersifat “robust” dan berkeupayaan tinggi. Semua peralatan perlu ditukarkan dari warna putih kepada warna hijau. Persiapan telah dilakukan walaupun pada masa yang sama pasukan IFOR yang lain telah memulakan operasi mulai 20 Dis 95 iaitu tarikh Transfer Of Authority (TOA) dari UNPROFOR kepada IFOR.

Perancangan perpindahan telah digubal dan dikoordinasikan dengan pihak-pihak yang terlibat. Berdasarkan kemudahan asas yang sedia ada di penempatan baru konsep pergerakan MALCON menumpukan perhatian kepada keupayaan menukuhan kem penempatan baru berdasarkan aset yang ada. Seterusnya kemajuan ditingkatkan bagi keperluan anggota dan peralatan yang akan digerakkan sepenuhnya ke penempatan tersebut. Dari penempatan ini MALCON mestilah boleh menjalankan tugas operasi IFOR mengikut ‘timeline’ Perjanjian Damai Dayton.

Rancangan pergerakan MALCON dilaksanakan dalam 2 fasa bagi membolehkan matlamat penugasan IFOR dicapai. Fasa 1 ialah pergerakan kumpulan Eleman Tempur yang dijadualkan untuk memulakan tugas operasi mulai 01 Mac 96. Pergerakan dilaksanakan mulai 10 Feb 96 hingga 23 Feb 96 meliputi penempatan

---

<sup>30</sup>Rujuk Taklimat Peralihan Tugas UNPROFOR kepada IFOR, Antonio Pedauye, ketua Misi UNPROFOR bertarikh 18 Dis 95 di Sarajevo. Faksimili no 1548210 dari Press Information Officers kepada Malbat Konjic.

Glamoc, Kupres dan Livno. Pergerakan ke setiap penempatan dilaksanakan dalam 3 peringkat seperti berikut:

- i) Pergerakan kumpulan pendahuluan yang bertindak sebagai "Enabling Element" ke setiap penempatan.
- ii) Pergerakan kumpulan Induk.
- iii) Pemindahan perlatan lojistik keperluan Elemen Tempur.

Fasa 2 ialah pergerakan kumpulan Elemen Bantuan Tempur dan Bantuan Lojistik serta pergerakan peralatan dan kenderaan sehingga semua lokasi lama dikosongkan. MALCON juga perlu berupaya melaksanakan tugas ofensif mulai 19 Mac 96. Perpindahan ini dirancang akan tamat mengikut tarikh berikut:

- i. Pazaric - 29 Feb 96
- ii. Jablanica - 29 Feb 96
- iii. Konjic - 17 Mac 96
- iv. Podorasic - 31 Mac 96

Pada keseluruhannya, pergerakan perpindahan ini diselaraskan dengan keupayaan membangunkan pengkalan baru dan menggerakkan peralatan Lojistik terutama peralatan penginapan, kemudahan asas serta kemudahan pengangkutan. Pergerakan dilaksanakan melalui bantuan kenderaan pegangan MALCON, kenderaan

sewa (bas, lori pengangkutan dan kren) dan kenderaan British (Low Loader, DROP dan Trailer).

Proses pergerakan telah dilaksanakan mengikut tarikh yang dirancang iaitu dalam bulan Ramadan dan menjelang Syawal. Anggota MALCON terpaksa melalui ujian getir ini dengan penuh ketabahan di samping halangan musim salji yang semakin meningkat. Disebabkan halangan cuaca, halangan pergerakan dan penerimaan penduduk tempatan, banyak perubahan terpaksa dilakukan dari rancangan asal. Namun begitu berkat kegigihan yang telah ditunjukkan MALCON telah berjaya memulakan operasi pada 01 Mac 96.

Pada keseluruhannya pergerakan semua aset MALCON dari penempatan lama ke penempatan baru dilaksanakan dengan selamat tanpa mengalami sebarang kemalangan. Sesungguhnya ini telah mengejutkan pasukan negara lain dengan keupayaan MALCON lebih-lebih lagi perpindahan dilakukan dengan lebih pantas dari masa yang dirancang di samping kebanyakan anggota adalah beragama Islam dan sedang menunaikan ibadat puasa. Bantuan kenderaan yang terlibat pada keseluruhan pergerakan ialah:

- i. Kenderaan British iaitu Drop yang membawa 230 muatan dan Low Loader yang membawa 60 muatan.
- ii. BELUGA Tpt Coy (Austria dan Greece) yang membawa 55 muatan seberat 10 Ton.

iii. Kenderaan pengangkutan awam yang disewa iaitu lori 24 Ton sebanyak 20 buah, lori 12 Ton sebanyak 34 buah dan kren sebanyak 3 buah.

iv. German Tpt Coy, iaitu Kren sebanyak 1 buah dan Low Loader sebanyak 6 buah.

v. Sebuah Kren dari Kontijen Belanda.

#### **4.2.4.2 Masalah Semasa Perpindahan**

Perpindahan telah dapat dilaksanakan dengan jayanya walaupun terdapat beberapa anggota mengalami kecederaan dan diserang penyakit. Kejayaan ini berpunca dari rancangan pergerakan yang mudah dan fleksibel dalam melaksanakan setiap pergerakan. Di samping itu pihak-pihak yang membantu telah menunjukkan dedikasi yang baik bagi menjamin perpindahan MALCON dilakukan dengan selamat. Ketabahan menghadapi ujian ini telah memberi kesempatan untuk membuktikan keupayaan MALCON demi nama baik. Namun begitu di sana terdapat beberapa masalah sepanjang proses perpindahan tersebut iaitu:

i) Perancangan: MALCON telah dirancang untuk menyertai operasi IFOR dengan pembiayaan kerajaan Malaysia. Proses penyerapan ke pasukan IFOR mengalami beberapa kekeliruan dari aspek penempatan, keupayaan berpindah dan melaksanakan tugas operasi ke tahap yang maksimum.

- ii) **Keadaan Cuaca**: Di masa tinjauan dan perlaksanaan pergerakan perpindahan, keadaan salji telah memuncak. Keselamatan tempat yang dipilih sukar dipastikan sepenuhnya. Pergerakan konvoi kerap terganggu apabila banyak laluan ditutup oleh salji tebal dan ancaman periuk api yang kebanyakannya ditutupi salji. Menjalankan kerja dalam salji bagi pemunggahan dalam pergerakan adalah amat sukar sehingga terdapat peralatan yang rosak. Pergerakan konvoi juga tidak dapat mengikut jadual perjalanan dengan tepat akibat gangguan jalan yang ditutupi salji.
- iii) **Kawalan**. Pergerakan yang sukar tidak dapat mengikut masa yang ditetapkan. Perhubungan radio hanya boleh dilakukan pada siang hari. Kesulitan masa tiba konvoi ke destinasi telah menyulitkan kawalan pergerakan. Keraguan tentang kenderaan mengalami kemalangan, sesat atau rosak sering menjadi halangan utama perlaksanaan pergerakan.
- iv) **Koordinasi Pergerakan**. Beberapa peralatan yang dihantar tidak diterima dengan sempurna di destinasi kerana konvoi sampai lewat pada sebelah malam. Ini telah menjadikan pemunggahan di tempat turun peralatan tidak dapat dilakukan mengikut rancangan pembinaan pengkalan. Barang-barang akan diturunkan di tempat yang mudah dilalui oleh kenderaan pengangkut kerana kenderaan tersebut perlu balik untuk tugas seterusnya.

\*\*\*\*\*

Walaupun banyak halangan yang dihadapi semasa operasi ini namun ianya dapat juga dilaksanakan dengan jayanya berkat kegigihan dan kesanggupan menempuh cabaran. Pengorbanan anggota Malbat/Malcon dalam menjayakan Misi yang diamanahkan adalah satu sumbangan yang tiada ternilai demi keharmonian manusia sejagat. Ianya telah mengharumkan nama negara di peringkat antarabangsa di mana anggota Malbat/Malcon adalah satu-satunya wakil angkatan tentera negara Islam yang masih bertahan menyumbangkan khidmat bakti setelah peralihan tugas PBB kepada NATO.